



**SAYEMBARA PENULISAN PUISI
BERSEMPENA SARAWAK BOOK FAIR & AUTHORS FESTIVAL 2024
1 OKTOBER – 15 NOVEMBER 2024**

TERMA & SYARAT PENYERTAAN

1. **Sayembara Penulisan Puisi** ini dianjurkan oleh Pustaka Negeri Sarawak, Miri dengan kerjasama Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) bersempena *Sarawak Book Fair & Authors Festival 2024 (SBAF2024)* Miri.
2. Penyertaan adalah **percuma** dan **terbuka** kepada semua warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak atau bermastautin di Sarawak mengikut kategori pertandingan.
3. Kategori pertandingan adalah seperti berikut:
 - a. **Kategori A: Pelajar (umur 13 – 19 tahun)**
 - b. **Kategori B: Umum (umur 20 tahun ke atas)**
4. Tema **Sayembara Penulisan Puisi** bersempena *Sarawak Book Fair & Authors Festival 2024 (SBAF2024)* Miri adalah seperti berikut:
 - a. **Bersatu Memacu Sarawak Maju**
 - b. **Alam dan Budaya Sarawak**
 - c. **Membaca dan Inovasi Pemangkin Kecemerlangan**
5. Peserta hendaklah menghasilkan karya dengan tajuk sendiri namun hendaklah menepati tema yang telah ditetapkan.
6. Penyertaan dilaksanakan secara individu dan **dibenarkan untuk menghantar tidak melebihi dua buah puisi**. Walau bagaimanapun, hanya satu puisi yang layak menerima hadiah.
7. Puisi tersebut ditulis dalam Bahasa Melayu menggunakan fon Arial bersaiz 12 dalam format Microsoft Word, dengan panjang antara 20 hingga 28 baris.
8. Puisi yang dihantar hendaklah asli, tiada unsur plagiat dan belum pernah disiarkan dalam mana-mana media bercetak atau digital yang rasmi dan tidak pernah memenangi hadiah dalam mana-mana sayembara.



9. Puisi yang mengandungi unsur sensitif dari sudut agama, perkauman, undang-undang, perlembagaan dan seumpamanya tidak akan diterima.
10. Hak penerbitan pertama bagi karya ialah milik penganjur manakala hak cipta karya ialah milik penulis.
11. Karya penyertaan hendaklah dihantar dengan mengisi Borang Pendaftaran melalui pautan Google Form <https://shorturl.at/vuCHy> atau imbas kod QR.
Fail karya yang dimuat naik mestilah menggunakan format <NAMAPENULIS><NAMA KARYA>.docx
(Contoh: NorhawannieReni_TamanPustaka.docx)
12. Hadiah bagi pemenang sayembara adalah seperti berikut:
 - i. **Kategori A : Pelajar (umur 13 – 19 tahun)**
Juara : RM400.00 + sijil kemenangan
Naib Juara : RM300.00 + sijil kemenangan
Ketiga: RM200.00 + sijil kemenangan
Saguhati (3x): RM100 + sijil kemenangan
 - ii. **Kategori B : Umum (umur 20 tahun ke atas)**
Juara : RM500.00 + sijil kemenangan
Naib Juara : RM400.00 + sijil kemenangan
Ketiga: RM300.00 + sijil kemenangan
Saguhati (3x): RM100 + sijil kemenangan
13. Keputusan hakim adalah muktamad.
14. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 November 2024**.



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Urus Setia

Sayembara Penulisan Puisi bersempena

Sarawak Book Fair & Authors Sarawak 2024 Miri

Pustaka Negeri Sarawak, Miri, Jalan Kipas, Dataran Kipas

98000 Miri, Sarawak.

No. Telefon : 085-422525 | WA:

Affendi Iezara / affeniez@sarawak.gov.my

Cynthia Fabian / cynthiaf@sarawak.gov.my

